



کمنتريين حال احوال دالم نكري
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SIARAN AKHBAR

**MAJLIS TADARUS AL-QURAN BULAN RAMADHAN ROMBONGAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN JABATAN-JABATAN DI
DALAMNYA BERSERTA MAJLIS PERUNDINGAN MUKIM DAN KAMPUNG
TAHUN 1444H/2023M DI DAERAH TUTONG**

1. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di dalamnya berserta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung telah mengadakan Majlis Tadarus Al-Quran pada hari Selasa, 06 haribulan Ramadhan 1444H bersamaan dengan 28 haribulan Mac 2023 bertempat di Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos, Mukim Keriam, Tutong.
2. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
3. Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Mulia Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai-Pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di dalamnya serta Penghulu-Penghulu Mukim, Ketua-Ketua Kampung, Pemangku-Pemangku Ketua Kampung dan Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Tutong berserta penduduk kampung sekitarnya.
4. Majlis dimulakan dengan bertadarus Al-Quran dan Bacaan Tahlil serta Doa Selamat dipimpin oleh Imam Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos.
5. Majlis diteruskan dengan penyampaian wakaf berupa barangan elektrik yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Yang Mulia Pengiran Ali Hanafiah bin Pengiran Haji Timbang, Imam Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos dan derma kepada anak-anak yatim dan diselajurkan dengan sembahyang Fardu Asar berjemaah.

6. Majlis ini bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan suci Ramadhan disamping menjalinkan hubungan yang erat di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di dalamnya dengan ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan pemimpin akar umbi.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam
28 Haribulan, Mac 2023